

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN**



Semua Pegawai Pengawal

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
BIL. 5 TAHUN 2009**

**PINDAAN PERATURAN TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA**

Melalui **Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 3 Tahun 2008** mengenai Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemah dan Langkah Mengurangkan Perbelanjaan Awam, para 9 menetapkan Elaun Lebih Masa dihadkan kepada 1/3 daripada gaji pokok. Manakala **Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 4 Tahun 2008** mengenai Peraturan Tuntutan Elaun Lebih Masa, para 3.1.4 pula menetapkan tuntutan elaun lebih masa dalam perjalanan bagi pegawai selain daripada pemandu tidak dibenarkan.

2. Kerajaan telah menimbangkan perkara ini dan bersetuju untuk membuat pindaan kepada Peraturan Tuntutan Elaun Lebih Masa melebihi 1/3 daripada gaji dengan menurunkan kuasa meluluskan kepada Ketua Jabatan masing-masing. Walau bagaimanapun, tuntutan tidak boleh melebihi 1/2 gaji.
3. Pekeliling ini juga bertujuan untuk memaklumkan kelayakan menuntut Elaun Lebih Masa semasa dalam perjalanan yang pada masa ini diluluskan untuk pemandu sahaja, dipanjangkan kepada Pembantu Am Pejabat dan Pekerja Awam.

4. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Kewangan ini perenggan 3.1.4 dalam Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 4 Tahun 2008 adalah dipinda seperti berikut :-

4.1 Tuntutan lebih masa dalam perjalanan hanya dibenarkan bagi Pekerja Awam, Pembantu Am Pejabat dan Pemandu sahaja.

5. Pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD)**

Pegawai Kewangan Negeri

Perak Darul Ridzuan.

/ Disember 2009.